






SIARAN AKHBAR

INDEKS HARGA HARTANAH KEDIAMAN (RESIDENTIAL PROPERTY PRICE INDEX) NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI SUKU PERTAMA (Q1) 2022

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Harga Hartanah Kediaman atau Residential Property Price Index (RPPI) Negara Brunei Darussalam bagi suku pertama (Q1) 2022. Indeks ini dihasilkan dengan data yang diperolehi daripada bank-bank di Negara Brunei Darussalam dan diterbitkan dengan kerjasama pihak Kementerian Pembangunan, khususnya Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi). RPPI mengukur kadar perubahan harga hartanah kediaman persendirian yang dibeli oleh isi rumah.
2. Pada Q1 2022, RPPI menunjukkan penurunan sebanyak 5.1% tahun-ke-tahun kepada 88.1 berbanding dengan Q1 2021, dan penurunan sebanyak 9.5% berbanding dengan Q4 2021.

| Tempoh | Indeks (Q1 2015 = 100) | Perubahan (%) | |
|---------|---------------------------|---------------|--------------|
| | | Dari Q1 2021 | Dari Q4 2021 |
| Q1 2022 | 88.1 | -5.1% | -9.5% |





3. Berdasarkan data pinjaman bagi pembelian hartanah kediaman persendirian yang diperolehi daripada bank-bank, sebanyak 124 transaksi pembelian hartanah kediaman persendirian telah dicatatkan pada Q1 2022. Ini menunjukkan penurunan dalam bilangan transaksi sebanyak 3.1% berbanding dengan Q4 2021, dan peningkatan sebanyak 10.7% berbanding satu tahun yang lalu. Pada Q1 2022, kebanyakan daripada transaksi tersebut adalah bagi pembelian rumah berasingan atau *detached* (66.1%); diikuti oleh rumah teres (17.7%); rumah berkembar atau *semi-detached* (13.0%); dan pangsapuri (3.2%). Tidak ada pembelian tanah melalui pembiayaan bank telah direkodkan pada Q1 2022.
4. Harga median bagi pembelian kesemua jenis hartanah kediaman persendirian pada Q1 2022 adalah BND246,500. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 0.2% berbanding dengan Q1 2021,

dan penurunan sebanyak 6.6% berbanding dengan Q4 2021. Harga median bagi pembelian rumah berasingan atau *detached* adalah BND260,000; bagi rumah berkembar atau *semi-detached* adalah BND260,000; bagi rumah teres adalah BND203,000; dan bagi pangsapuri adalah BND216,500. Pengiraan RPPI menggunakan harga median dan bukan harga purata kerana harga median tidak terjejas oleh harga hartanah yang luar biasa bagi jenis hartanah yang sama dalam suatu tempoh masa.

5. Indeks dan statistik yang diterbitkan adalah untuk maklumat umum sahaja. Orang ramai dinasihatkan untuk tidak hanya bergantung kepada indeks dan statistik tersebut untuk menilai mana-mana hartanah kerana harga hartanah kediaman persendirian adalah berbeza tertakluk antarlainnya kepada lokasi, saiz tanah dan keluasan lantai.
6. Bagi maklumat lanjut, nota teknikal dan data terkini boleh didapati di laman web BDCB www.bdcg.gov.bn. Maklumat terkini mengenai RPPI juga akan dikeluarkan dari semasa ke semasa melalui akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 1 Zulhijjah 1443H/ 1 Julai 2022M

Rujukan: BDCB/COMMS/3